

20/10/1999

Tidak mustahil tawan kubu pembangkang

Mohd Azrone Sarabatin

SASARAN Barisan Nasional (BN) menyapu bersih semua 20 kerusi Parlimen di Sabah tidak mustahil dan tidak sukar dicapai. Semua pihak perlu bersatu mengembleng tenaga selain mengetepikan sentimen peribadi dan melontarkan jauh sebarang prasangka negatif.

Keyakinan ini bersandarkan hakikat peningkatan sokongan rakyat Sabah terhadap agenda BN selain kesedaran kebaikan konsep dan falsafah perkongsian kuasa yang dipraktikkan parti itu. Pemerhati politik berpendapat keyakinan sedemikian sememangnya bukan gimik politik lagi, tetapi pasti menjadi realiti apabila saja Parlimen dibubarkan dan pilihan raya umum diadakan.

Begitu pun, pada masa sama senario mutakhir politik tanah air (dalam konteks kepelbagaian di Sabah) perlu dibuat perhitungan supaya setiap pendokong sentiasa waspada terhadap sebarang kemungkinan yang tidak mustahil. Jika ini dapat dilakukan, sudah pasti kubu kuat pembangkang sekali pun boleh ditawan. Sebaliknya, jika ia tidak dapat dipraktikkan, tidak mustahil pula kubu kuat BN pun boleh jatuh kepada pembangkang.

Seperti buah ranum di kebun berpagar besi, ia menjadi rezeki burung sekiranya tidak diawasi. Begitulah dengan kerusi Parlimen milik BN, ia dirampas pembangkang jika silap strategi. Ramai optimis BN mampu merampas kerusi milik pembangkang. Ini kerana BN mempunyai jentera pilihan raya lebih mantap berbanding pembangkang. Ditambah dengan kejayaan kepemimpinannya meletakkan negeri ini di landasan betul dan memenuhi aspirasi rakyat.

Ketika ini, BN menguasai 14 daripada 20 kerusi Parlimen, manakala enam dimiliki pembangkang utama, Parti Bersatu Sabah (PBS). Kerusi terbanyak BN diwakili Umno iaitu 10, diikuti dua Parti Maju Sabah (SAPP) dan masing-masing satu Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu (Upko).

Hari ini, senario politik mutakhir semakin memihak kepada BN apabila ramai pemimpin dan penyokong pembangkang berpaling tadah untuk menyertai parti komponen BN. Bermula dengan Ahli Parlimen PBS Penampang, Paul Nointien meninggalkan parti berkenaan dan menyertai Parti Demokratik Sabah (PDS) yang kini menggunakan nama Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (Upko) pimpinan Tan Sri Bernard Dompok, diikuti dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) PBS, Abdul Malek Chua (Kuamut) dan Ulin Pamiang (Pensiangan) meninggalkan parti itu dan menyertai Umno.

Dalam pada itu, ada juga kalangan pemerhati politik berpendapat keghairahan akan membawa kelalaian dan padah jika tiada pemantauan awal dibuat. Ini kerana pembangkang akan mengambil kesempatan dalam kesempitan daripada ruang kelalaian yang menjelma di depan mata. Yang penting adalah pengorbanan selain kerja keras dalam satu pasukan tanpa mengira parti atau pemimpin yang dicalonkan.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Salleh Tun Said menegaskan setiap pemimpin yang dicalonkan perlu diberi sokongan tanpa mengira parti diwakilinya.

Begitu juga penyandang yang tidak dicalonkan semula, mereka perlu membantu pemimpin yang dicalonkan dengan mengenyepikan kepentingan peribadi. Jangan kerana nyamuk seekor kelambu dibakar kerana sikap ini tidak menguntungkan sebaliknya hanya mengundang padah. Semua pihak perlu sedar hakikat dalam pilihan raya, kemenangan parti adalah persoalan utama, bukannya kepentingan individu. Ini kerana kejayaan BN terletak di tangan

semua penyokong bukannya orang perseorangan.

Sesungguhnya, prinsip bekas Ketua Menteri Sabah itu harus dijadikan iktibar untuk memastikan tidak wujud sabotaj calon yang akhirnya merugikan parti berkenaan.

Dalam lawatannya ke Labuan bulan lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan parti komponen BN perlu mengetepikan soal parti diwakili seseorang calon dalam pilihan raya umum akan datang. Sebaliknya, kata Perdana Menteri, adalah penting bagi setiap parti komponen memberi sokongan mutlak kepada semua calon BN bagi menentukan kemenangan.

Mesejnya jelas - semua parti komponen harus menganggap semua calon sebagai calon BN. Penganalisis politik berpendapat adalah penting pemimpin BN peringkat akar-umbi turun padang dan tidak berpeluk tubuh. Mereka perlu rajin bersemuka rakyat, sambil menerangkan perkembangan semasa untuk menjernihkan suasana yang mungkin keruh serta memerlukan penyelesaian, sebelum keadaan menjadi banjir lumpur.

(END)